

BANK ISLAM TANGANI ISU KEMISKINAN HAID REMAJA DI SARAWAK

Lebih 250 pelajar perempuan di SMK Tebakang menerima manfaat Program Pengurusan Kebersihan Haid (MHM)

KUCHING, SARAWAK, Rabu, [15 Oktober 2025]: Bank Islam Malaysia Berhad (Bank Islam atau Bank), meneruskan komitmen terhadap pembangunan sosial dan kesihatan komuniti melalui penganjuran Program Pengurusan Kebersihan Haid (*Menstrual Hygiene Management* atau *MHM*) di Sekolah Menengah Kebangsaan (SMK) Tebakang, Serian, Sarawak. Melibatkan kerjasama strategik bersama Athena Holdings Sdn Bhd (Athena), program sehari ini memberi manfaat kepada lebih 250 pelajar perempuan berusia di antara 13 hingga 14 tahun di sekolah berkenaan.

Melalui Dana Sadaqa House Bank Islam, sumbangan sebanyak RM37,500 telah disalurkan bagi menyediakan kit kit kebersihan haid yang boleh guna semula dan bahan pendidikan kesihatan reproduktif kepada pelajar terlibat. Inisiatif ini bertujuan untuk menangani isu kemiskinan haid dan memperkasakan pelajar perempuan, terutamanya yang menetap di kawasan luar bandar, dengan pengetahuan asas tentang haid, mengatasi stigma sosial serta menggalakkan amalan kebersihan diri yang lebih baik.

Pengarah, Kewangan Sosial, Bank Islam, Mohd Zikri Mohd Shairy berkata, “MHM merupakan kesinambungan usaha sama sulung antara Bank bersama Athena yang melibatkan 47 orang pelajar perempuan di Rumah Anak Yatim dan Miskin Kampung Silad, Ranau, Sabah pada tahun 2019. Menerusi sokongan orang ramai kepada Sadaqa House Bank Islam, kerjasama ini diperkukuhkan agar dapat manfaat kepada lebih 250 orang pelajar di SMK Tebakang.”

“Program MHM bukan sahaja bertujuan untuk meningkatkan kesedaran peserta mengenai kesihatan reproduktif, tetapi juga menggalakkan perbincangan terbuka dan mendidik mereka mengenai penggunaan produk pengurusan haid yang lebih lestari seperti tuala wanita yang boleh diguna semula,” katanya.

Mohd Zikri menambah, “Bank Islam amat berterima kasih atas kepercayaan penderma terhadap Sadaqa House yang membolehkan penganjuran inisiatif-inisiatif berimpak tinggi di seluruh negara. Kami mengalu-alukan sokongan pelbagai pihak demi kesejahteraan masyarakat, khasnya golongan rentan.”

Pengasas dan Pengarah Impak, Athena Holdings Sdn Bhd, Anja Julia, berkata “Program Pengurusan Kebersihan Haid ini bukan sekadar memberi ilmu tentang haid, tetapi membuka

ruang kepada remaja perempuan untuk memahami tubuh mereka, menjaga maruah diri dan menjadi suara perubahan di komuniti masing-masing seterusnya percaya bahawa hanya melalui pendidikan mereka boleh pergi lebih jauh.”

Orang ramai boleh menyalurkan sumbangan mereka ke Dana Sadaqa House menerusi menerusi nombor akaun **140 140 101 88888** atau melayari laman web Sadaqa House di pautan www.sadaqahouse.com.my untuk maklumat lanjut.

Mengenai Bank Islam Malaysia Berhad

Bank Islam adalah institusi perbankan Islam pertama di Malaysia yang disenaraikan di Papan Utama, Bursa Malaysia Berhad. Ditubuhkan pada bulan Julai 1983, Bank Islam mempunyai lebih 100 cawangan dan lebih 900 terminal layan diri di seluruh negara. Sebagai institusi perbankan Islam lengkap dan tulen, Bank Islam menyediakan penyelesaian perbankan runcit dan kewangan korporat yang mematuhi undang-undang dan prinsip Syariah dengan ketat. Bank Islam komited terhadap kemakmuran lestari dan nilai-nilai ESG dan merupakan peserta rasmi Rangkaian Kompak Global Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu Malaysia dan Brunei. Anak-anak syarikat utama Kumpulan Bank Islam, BIMB Investment dan BIMB Securities menawarkan pelbagai perkhidmatan kewangan Islam, termasuk pelaburan dan pembrokeran saham. Untuk maklumat lanjut mengenai produk dan perkhidmatan kumpulan Bank Islam, layari www.bankislam.com.

Sila e-mel ke Hubungan Media Kumpulan Bank Islam di media@bankislam.com.my untuk mendapatkan maklumat tambahan.

Mengenai Athena Holdings Sdn Bhd

Athena Holdings Sdn Bhd merupakan sebuah Perusahaan Sosial berdaftar di bawah Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi (KUSKOP) yang komited memperkasa wanita dan komuniti rentan melalui pendidikan, kemahiran dan pemahaman terhadap prinsip kelestarian semenjak 2015. Di bawah inisiatif Athena Empowers, syarikat ini telah melaksanakan pelbagai program berimpak sosial termasuk Program Pengurusan Kebersihan Haid (Menstrual Hygiene Management Program) yang memberi tumpuan kepada remaja perempuan asnaf di Sabah, Sarawak dan dari komuniti orang asli di Semenanjung. Program ini bukan sahaja menyediakan pendidikan kesihatan reproduktif dan kebersihan diri, tetapi juga memperkenalkan produk tuala wanita guna semula yang mesra alam, selaras dengan matlamat kelestarian dan kesejahteraan komuniti.